



**TEKS UCAPAN  
YB TUAN HJ KHALID BIN ABD SAMAD  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SEMPENA  
PROGRAM NUR RAMADAN PERINGKAT  
WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN  
2019M/1440H**

**25 MEI 2019 (SABTU)  
MASJID SULTAN MUHAMMAD V  
WP LABUAN**

**Bismillah Hirrahman Nirrahim**

**Terima kasih saudara Pengacara Majlis**

**(*Senarai salutation akan diselaraskan kemudian.*)**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sayangi WilayahKu dan Salam Ramadan Al Mubarak**

1. Pertama sekali, saya ingin memanjatkan rasa penuh kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan izin dan kurnia-Nya, dapat kita bersua di bulan Ramadan yang mulia dan penuh barakah ini.
  
2. Kepada semua penduduk kampung dan para jemputan yang hadir “Selamat Menjalani Ibadah Puasa” dan semoga tuan-tuan dan puan-puan diberikan kesihatan agar dapat beribadah dengan lebih baik di bulan yang mulia ini .
  
3. Sesungguhnya Program Nur Ramadan pada kali ini turut bermakna kepada saya dan isteri, kerana dapat bersama-sama mengimarahkan sepuluh malam terakhir ini yang diadakan di **Masjid Sultan Muhammad V, Kg Durian Tunjong**.

4. Melalui program ini juga, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Labuan serta agensi yang terlibat berpeluang untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim bersama warga Labuan dan seterusnya memberi sumbangan kepada golongan yang memerlukan. Amalan bersedekah, adalah dituntut dalam Islam, untuk mengingatkan kita agar sentiasa bersyukur dengan rezeki yang dianugerahkan oleh Allah serta tidak melupakan kepada mereka yang memerlukan bantuan.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

5. Program Nur Ramadan merupakan acara yang menjurus kepada hasrat kerajaan untuk membantu golongan yang memerlukan. Program ini sebenarnya adalah menyokong kepada tema “Wilayah Peduli Harapan Dipenuhi” yang pada hari ini menyaksikan kita bersama-sama mendekati warga Wilayah Persekutuan Labuan dalam menyampaikan sumbangan serta bantuan kepada seramai 320 orang penerima sumbangan yang terdiri daripada OKU, warga emas, ibu tunggal dan anak-anak yatim.
6. Sumbangan Nur Ramadan ini adalah dari Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Perbadanan Labuan (PL), Yayasan Wilayah Persekutuan, Majlis Agama Islam

Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) yang berbentuk wang tunai dan barang keperluan asas dalam menceriakan warga Labuan menyambut Ramadhan dan Aidilfitri yang akan menjelang tidak lama lagi.

7. Saya juga ingin memaklumkan bahawa melalui peruntukan Pejabat Menteri Wilayah Persekutuan, kita akan memberikan sumbangan berupa wang tunai kepada 16 buah masjid, 14 buah Surau Jumaat dan 28 buah Surau yang mana setiap Masjid akan menerima cek berjumlah RM3,000.00 dikuti Surau Jumaat berjumlah RM2,000.00 dan Surau berjumlah RM1,000.00. Ini bermakna sejumlah 58 buah Masjid dan surau akan diberi sumbangan tersebut dengan jumlah sumbangan yang bernilai RM104,000.00 dan dengan ini saya berharap semoga ia dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

8. Sempena program Nur Ramadan tahun ini, Kementerian telah mendapat kerjasama dan sumbangan daripada *rakan strategik kita iaitu Yayasan Wilayah Persekutuan* yang

menyumbangkan sejumlah 330 kit pengurusan jenazah kepada masjid dan surau sekitar Labuan yang bertujuan untuk meringankan beban kepada individu yang memerlukan. Saya dimaklumkan bahawa setiap masjid dan surau akan menerima bantuan kit tersebut dalam kuantiti lima hingga sepuluh kit pengurusan jenazah yang lengkap.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

9. Semoga dengan sumbangan yang diberikan ini akan dapat membantu meringankan sedikit bebanan Tuan/Puan dalam menjalani ibadah berpuasa serta menyambut Aidilfitiri yang akan kita raikan tidak lama lagi.
10. Akhir sekali, marilah kita bersama-sama berdoa agar keamanan yang kita kecapi sekarang akan berkekalan dan semoga kita semua diberi perlindungan oleh-Nya untuk meneruskan kehidupan kita dalam negara yang aman dan makmur ini.
11. **Dengan lafaz BISMILLAHIRAHMANIRRAHIM, saya dengan sukacitanya melancarkan Program Nur**

**Ramadan 2019 bersamaan 1440 Hijrah bagi Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan.**

12. Sekian, Wabillahi Taufik walhidayah Wassalamulakum  
W.B.T. Terima kasih.